

15 MAY 2000

DR MAHATHIR TIBA DI KUANTAN UNTUK LANCAR HARI BELIA NEGARA 2000

KUANTAN, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di Lapangan Terbang TUDM kira-kira pukul 9.25 pagi untuk melancarkan Hari Belia Negara 2000 di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota, di sini.

Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob serta isteri, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob serta anggota exco kerajaan negeri.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Stadium SUKPA untuk melancarkan hari belia peringkat kebangsaan yang diadakan buat kali pertama di luar Kuala Lumpur.

Beliau dijadual memeriksa perbarisan pelatih dari Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua, diikuti dengan ucapan, persembahan koir, penyampaian anugerah belia dan penyerahan replika kunci rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Dr Mahathir dijangka pulang ke Kuala Lumpur kira-kira pukul 1.30 tengah hari ini.

-- BERNAMA

SHS AKD